



TERAJU EKONOMI ASNAF SDN. BHD
(dahulu dikenali sebagai MAIS Zakat Sdn Bhd)

TERAJU EKONOMI ASNAF SDN. BHD. (289740-H)
NO. 29-G, JALAN KS9/KU5,
TAMAN KLANG SENTRAL, BUKIT RAJA
41050 KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : +603-3341 3654 FAKS : +603-3341 0422
EMAIL : admin@myteras.com

PENGENALAN SYARIKAT

Pada tahun 1994, MAIS Zakat Sdn Bhd yang dikenali sebagai Pusat Zakat Selangor (PZS) ditubuhkan bertujuan menjalankan aktiviti kutipan dan agihan zakat di Negeri Selangor. Bagaimanapun, apabila PZS dinaiktaraf kepada Lembaga Zakat Selangor (MAIS) pada tahun 2006, MAIS Zakat Sdn Bhd tidak lagi aktif (dormant).

Pada tahun 2011, MAIS Zakat Sdn Bhd telah diaktifkan semula bertujuan untuk meluaskan peranan Lembaga Zakat Selangor dalam melaksanakan Program Pembangunan Ekonomi untuk asnaf fakir dan miskin di negeri Selangor.

Pada November 2015, MAIS Zakat Sdn. Bhd. telah menukar nama kepada Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd dengan singkatan nama TERAS.

SENARAI PERKHIDMATAN UTAMA SYARIKAT

1. Mengagihkan bantuan makanan bulanan iaitu makanan asasi seperti beras, gula, tepung gandum, minyak masak, bihun dan kicap kepada asnaf fakir & miskin. Projek ini dibawah kelolaan Sektor Agihan Makanan (SAM) yang menjalankan operasi pengagihan makanan di 9 daerah iaitu di Klang, Petaling, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Gombak, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Sabak Bernam
2. Mengeluarkan usahawan asnaf yang berdikari, proaktif dan berkarisma melalui bantuan modal dan pemantauan berterusan untuk meningkatkan jumlah usahawan asnaf yang berdaya maju untuk keluar dari status asnaf fakir & miskin.
3. Sebagai pengeluar & pembekal pakaian sekolah rendah dan menengah untuk tiga daerah iaitu Daerah Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang, selain itu juga membantu meningkatkan pendapatan peserta bengkel serta ke arah menjadi sebuah pusat latihan jahitan.
4. Menyediakan pusat latihan jahitan & menawarkan pakej kursus latihan jahitan.
5. Menyediakan dan mengendali kursus serta latihan keusahawanan asnaf fakir & miskin bagi menambah kemahiran kearah meningkatkan pendapatan.

STRUKTUR KORPORAT



MAKLUMAT SYARIKAT

NAMA SYARIKAT : TERAJU EKONOMI ASNAF SDN BHD.

TARIKH PENUBUHAN : 16TH FEBRUARI 1994

NO. PENDAFTARAN : 289740-H

ALAMAT PEJ. URUSAN : NO. 29-G, JALAN KS9/KU5,
TAMAN KLANG SENTRAL,
BUKIT RAJA, 41050 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN

NO TELEFON : (+603) 3341 3654

NO. FAX : (+603) 3341 3687

MODAL BERBAYAR : RM 1,000,000.00

AHLI LEMBAGA PENGARAH: DATO'HAJI IBRAHIM BIN MD YUSOF

DATUK SITI MASLAMAH BINTI OSMAN

DATO'BAKHTIAR BIN HUSSIN

NORRAINI BINTI NORDIN

PERKHIDMATAN DAN PRODUK YANG DITAWARKAN

TERAS juga menawarkan perkhidmatan dan produk selain perkhidmatan kebajikan utama yang disediakan. Antara perkhidmatan dan produk yang ditawarkan oleh TERAS adalah seperti berikut:

1. Menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada pihak Lembaga Zakat Selangor, badan-badan korporat dan NGO dalam bentuk hamper makanan kering atau bantuan makanan asasi mengikut kehendak pelanggan.
2. Sebagai pemborong untuk makanan mentah kering dan mengedarkan kepada kedai makan, kedai runcit, kantin sekolah dan banyak lagi.
3. Menyediakan perkhidmatan pengangkutan untuk pindah barang, angkut dan punggah.
4. Membekalkan makanan mentah kering untuk gerobok rezeki di masjid.
5. Menyediakan perkhidmatan membekalkan kit pengurusan jenazah untuk kegunaan pada masjid, surau, sumbangan NGO dan sebagainya.
6. Menyediakan perkhidmatan membekalkan set kelengkapan solat untuk kegunaan badan-badan korporat, sumbangan NGO, perseorangan dan sebagainya.

ANTARA PERKHIDMATAN DAN PRODUK YANG DITAWARKAN OLEH TERAS

